

Perkenalkan budaya beraya kepada warga asing



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) ketika memberikan cenderamata kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos, salah seorang perwakilan asing yang hadir pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri UNISSA (kiri). Sementara gambar kanan, Rektor UNISSA menyenangkakan hadiah cabutan bertuah.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terus diraikan dan dirasakan oleh semua lapisan masyarakat di negara ini dengan saling kunjung-mengunjungi serta bermaaf-maafan, di samping menghidangkan para tetamu dengan pelbagai juadah.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga tidak ketinggalan untuk mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan berkonsepkan "Open Booth" yang disediakan oleh pihak Fakulti dan Pusat di UNISSA. Majlis Sambutan Hari Raya tersebut diungkuhkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA.

Majlis adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara para mahasiswa / mahasiswi dan juga para pensyarah serta pegawai dan kakitangan UNISSA.

Di samping itu, untuk

memperkenalkan kepada pensyarah dan pelajar asing di UNISSA tentang budaya Orang Brunei di dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan Bin Haji Zainal.

Majlis dimeraikan dengan kehadiran beberapa orang Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam serta Pegawai-pegawai Kanan daripada

Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan, diikuti dengan kunjungan tetamu kehormat ke booth-booth untuk beramah

mesra bersama pegawai dan kakitangan UNISSA.

Suasana Majlis Sambutan Hari Raya dimeraikan lagi dengan cabutan bertuah dan pertandingan dekorasi booth tercantik, di samping persembahan Tausyeh daripada Mahasiswa UNISSA.



SUASANA Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan berkonsepkan "Open Booth" yang disediakan oleh pihak Fakulti dan Pusat di UNISSA yang dihadiri Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.

PPNBD semarakkan Aidilfitri

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

GADONG, Jumaat, 21 Jun. - Kemeriah sambutan Aidilfitri masih lagi dapat dirasakan walaupun bulan Syawal telah memasuki minggu kedua.

Persekutuan Pengakap Negara

Brunei Darussalam (PPNBD) juga tidak ketinggalan untuk meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri hari ini di Dewan Serbaguna, ibu pejabatnya.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Yang Di-Pertua PPNBD, Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, Yang Di-Pertua PPNBD menjelaskan bahawa majlis itu bertujuan bagi merapatkan hubungan silaturahim dalam kalangan para pengakap.

Ini tambahnya, terkandung dalam undang-undang pengakap yang menerangkan bahawa pengakap itu bersaudara antara satu sama lain tanpa mengira peringkat termasuk dari Bahagian Pengakap Tunas, Bahagian Pengakap Muda, Bahagian Pengakap Remaja, Unit Pengakap Udara dan Pesuruhjaya Pengakap.

Beliau juga berharap agar para pemimpin serta ahli-ahli pengakap akan lebih bersemangat dan berdaya usaha, serta bersedia menyertai kegiatan pengakap termasuk kegiatan kemasyarakatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Majlis tersebut diadakan dengan kerjasama Persatuan Pengakap



Yang Di-Pertua PPNBD, Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba (tengah) selaku Pengerusi Majlis melawat ke Pondok Daerah Belait.

Daerah Brunei dan Muara; Persatuan Pengakap Daerah Tutong; Persatuan Pengakap Daerah Belait; Persatuan Pengakap Daerah Temburong; dan Bahagian Pentadbiran PPNBD. Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar

bin Haji Awang Ali; Naib-naib Yang Di-Pertua serta Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap Daerah, Pemimpin-pemimpin Pasukan Pengakap; dan ahli-ahli pengakap yang lain.



ANTARA ahli Pengakap yang hadir.